

02 OCT 1999

DR MAHATHIR TIBA IN ZIMBABWE BAGI SAID 99

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

VICTORIA FALLS (Zimbabwe), 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, hari ini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 99 (SAID 99) ketiga yang bermula esok.

Jet rasmi Perdana Menteri tiba dari London, iaitu tempat persinggahan Dr Mahathir untuk beberapa hari selepas berucap di Perhimpunan Agung ke 54 Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-Amerika di New York.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Victoria Falls, lebih kurang 1,000 km daripada ibu negara Zimbabwe, Harare, di sambut oleh Menteri Suruhanjaya Perancangan Zimbabwe Richard Howe

Turut hadir ialah Persuruhjaya Tinggi Malaysia ke Zimbabwe Ali Abdullah, kakitangan suruhanjaya tinggi dan pegawai-pegawai SAID 99.

Petang esok Dr Mahathir akan menghadiri majlis perasmian SAID 99 oleh Presiden Zimbabwe Robert Mugabe.

Pada Isnin Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan utama mengenai perkongsian pintar di satu majlis makan malam.

Beliau akan menghadiri pelbagai sesi di SAID 99 tahun ini yang bertemakan 'Penguasaan Ekonomi Melalui Perkongsian Pintar'.

Perdana Menteri akan pulang ke Kuala Lumpur pada Rabu.

-- BERNAMA

MAM PR